

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 19 JUN 2020

MUKA SURAT: 20

Panggilan berkaitan haiwan berbisa meningkat

KLUANG - Panggilan kecemasan berkaitan menangani haiwan berbisa seperti ular meningkat sebanyak 40 peratus sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berbanding tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Datuk Yahaya Madis berkata, peningkatan tersebut berpunca daripada faktor cuaca lembap selain tiada gangguan manusia menyebabkan spesies reptilia terbabit keluar dari tempat perlindungan untuk mendapatkan makanan.

“Bagi berdepan haiwan berbisa ini, anggota bomba memberi komitmen sepenuhnya namun langkah-langkah keselamatan tetap diutamakan,” katanya pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Zon 3 di Balai Bomba dan Penyelamat Kluang di sini semalam.

Dalam majlis tersebut, Yahaya turut menyampaikan APC kepada seramai 18 pegawai dan anggota dari tujuh Balai Bomba dan Penyelamat Zon 3 atas perkhidmatan cemerlang sepanjang 2019.



Yahya (kiri) menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Zon 3 kepada salah seorang anggota di Balai Bomba dan Penyelamat Kluang semalam.